

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 13**  
**RUANGAN : MINDA PEMBACA**

## Amal gaya hidup sihat selari tuntutan Islam

**Dr Ahmad Muslim  
Ahmad Roslan,  
Naib Presiden I-Medik**

**Malaysia** mempunyai sistem kesihatan antara terbaik di Asia Tenggara dengan indeks liputan kesihatan sejagat mencapai skor 73 pada 2020.

Namun, peningkatan prevalen penyakit kronik tidak berjangkit seperti kencing manis, darah tinggi, kolesterol tinggi dan obesiti dalam kalangan rakyat menunjukkan kepentingan untuk kita kembalikan kepada gaya hidup lebih sihat.

Atas faktor ini, Kementerian Kesihatan (KKM) memberi fokus kepada perkhidmatan 'wellness' dan pencegahan penyakit daripada perkhidmatan 'sick care' semata-mata, menjadi teras utama dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat.

Penjagaan kesihatan tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada sistem kesihatan sedia ada sebaliknya ia perlu diperkuaskan dengan pembudayaan hidup sihat dan kawalan kesihatan kendiri.

Dalam Islam, penjagaan kesihatan adalah satu tuntutan agama utama perlu dipelihara. Keperingtingan penjagaan kesihatan sama ada membabitkan kesihatan fizikal, mental, sosial dan spiritual terletak pada kedudukan tinggi.

Mendapat kesihatan yang baik, manusia dapat menuai tuntutan serta tanggungjawab agama di dunia dan untuk akhirat dalam keadaan paling sempurna. Menurut ulama, keseluruhan syariat Islam adalah bertujuan memelihara lima tonggak iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta seperti diperlopri Imam Ghazali dengan istilah 'al-dharuriyyat al-khamasah' dalam pomba-hagian maqasid syariah.

**Pembudayaan hidup sihat kunci kesihatan**  
 Penjagaan kesihatan merangkumi amalan gaya hidup sihat dan aktif, pencegahan risiko penyakit, rawatan serta kawalan daripada komplikasi penyakit dan larangan pengambilan bahan berbahaya mempunyai aplikasi meluas terhadap prinsip maqasid syariah.

Faktor urbanisasi, kemajuan teknologi pelbagai serta kemunculan budaya luar tidak sihat banyak memberi pengaruh besar terhadap kesihatan masyarakat. Kebanyakan orang ramai terlebih banyak duduk atau rehat tanpa melakukan aktiviti kecergasan diri.

It termasuk pengambilan makanan segera dan tidak teratur serta pendedahan kepada pengam-

ilan bahan berbahaya dipromosikan dalam bentuk normal terutama kepada golongan muda. Persinggan kehidupan dan penggunaan media sosial tidak terkawal juga memberi kesan kepada kesihatan mental.

Tidak diragui lagi pembudayaan hidup sihat dan kawalan kesihatan kendiri adalah kunci kepada penjagaan kesihatan berpanjangan. Dalam Islam, prinsip penjagaan kesihatan lebih mengutamakan usaha pencegahan dan menutup pintu kerosakan.

Usaha pencegahan ini perlu berlaku dalam setiap tahap sama ada pada tahap permulaan, primer, sekunder dan tertiar. Pembudayaan hidup sihat ini bukan sahaja atas faktor penjagaan kesihatan semata-mata, malah ia sebahagian daripada tuntutan agama.

Kesihatan bukan nikmat berkekalan dan penjagaannya pun bukan pilihan. Kesihatan tubuh badan adalah kurniaan yang datang dengan amanah perlu dipelihara. Ia adalah tanggungjawab setiap individu khususnya umat Islam untuk menjaga kesihatan kendiri dengan mengamalkan gaya hidup sihat selari dengan syariat Islam.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 18  
RUANGAN : NASIONAL

Sabtu, 2 November 2024



Pegawai Unit Inspektorat dan Perundangan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut memeriksa tahap kebersihan dapur sebuah kedai makan di Batu Ferringhi.  
(Foto Zahainy Zulkifli/MEI)

## Kedai makan kotor di Batu Ferringhi diarah tutup 14 hari

**Georgetown:** Sebuah kedai makan yang menjadi tumpuan dan 'port lepak', di Batu Ferringhi, di sini diberi notis penutupan selama 14 hari berikutkan tahap kebersihan kurang memuaskan termasuk ada najis lipas di bawah kaunter pesanan.

Notis berkenaan dikeluaran oleh Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut selepas premis terhabit diperiksa dalam Op Deepavali, kelmarin dan mendapat tahap kebersihan tidak memuaskan, selain dapur yang kotor.

Selain itu, beberapa pekerja juga didapati tidak dapat suntikan antitifoid dan tidak mengikuti latihan pengendalian makanan.

Pemeriksaan mendapati bahan basah yang disimpan tidak terurus dan keadaan peti sejuk juga kotor serta tidak dicuci, manakala rak simpanan bahan mentah pula tidak disusun rapi dan berselerak.

Pemilik premis terhabit bagaimanapun akur dengan arahan penutupan berkenaan.

Premis makanan itu menjadi

tumpuan dan 'port lepak' berikutkan kedudukannya berhampiran pantai serta menawarkan pertunjukan api.

Ketua Unit Inspektorat dan Perundangan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Wan Mohamad Akhbar Wan Ali, berkata sebanyak 14 premis di Batu Ferringhi diperiksa dalam operasi yang bermula sejak pagi sehingga jam 8.30 malam.

Katanya, daripada jumlah itu sebanyak empat daripadanya diberi notis penutupan atas pelbagai kesalahan termasuk tahap kebersihan yang tidak memuaskan.

"Kedai makan berkenaan dikenakan kompaun sebanyak RM1,000 dan semua penutupan premis dilakukan mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

"Semua premis yang diperiksa terdiri daripada kedai makan, kafe dan restoran yang menjadi tumpuan pengunjung di Batu Ferringhi."

"Keseluruhan nilai kompaun dikenakan terhadap premis yang diperiksa ialah sebanyak RM13,600," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22  
RUANGAN : BISNES

## Peraturan baharu Akta 852 dijangka gugat syarikat tembakau, vape



Peraturan baharu yang dilaksanakan kerajaan ke atas produk vape dijangka akan memberikan kesan kepada syarikat tembakau dan vape di Malaysia.

Penganalisis CIMB Securities, Yee Sin Seh, berkata jangkaan itu dibuat selepas Akta Kawalan dan Produk Merokok untuk Kesehatan Awam 2024 (Akta 852) yang baharu, berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024 mengenakan peraturan lebih ketat ke atas produk vape melalui gabungan langkah segera dan berperingkat.

Beliau berkata, ia membabitkan beberapa perubahan ketara, termasuk larangan penjualan dalam talian dan melalui mesin layan diri serta larangan iklan dan penajaan.

Katanya, selain itu, Akta 852 turut menyatakan had kandungan nikotin sebanyak 35 miligram (mg)/

mililiter (ml) akan dikurangkan lagi kepada 20 mg/ml bermula 1 Oktober 2025 serta had maksimum pada jumlah kartuji atau pod boleh guna sebanyak 3ml yang akan dikurangkan kepada 2ml bermula 1 Oktober 2026.

"Kami percaya peraturan baharu ini akan memberi kesan kepada syarikat utama seperti British American Tobacco (BAT) Malaysia dalam beberapa cara," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Menjelaskan lebih lanjut, seorang lagi penganalisis CIMB Securities, Walter Aw Lik Hsin, berkata melalui akta itu, saturan jualan dan pemasaran produk vape akan dihadkan sehingga perlancarkan produk vape baharu yang selaras dengan peraturan yang dikenas kini, termasuk had nikotin.

Beliau berkata, memandangkan

kebanyakan, jika tidak semua, produk vape semasa mengandungi 30 mg/ml.

"Kegagalan menangani perubahan ini dengan berkesan boleh memberi cabaran kepada kumpulan untuk meningkatkan sumbangan jualan daripada produk vape."

"BAT Malaysia sasar tingkat sumbangan jualan vape daripada sekitar dua peratus pada masa ini kepada sasaran 15 hingga 30 peratus bahagian hasil dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang," katanya.

Sebagai rekod, pendapatan BAT Malaysia meningkat 0.5 peratus tahun ke tahun pada suku ketiga 2024 (3Q24) disokong oleh peningkatan jualan vape.

Walaupun jumlah jualan dalam industri rokok sah mengalami penurunan disebabkan oleh pe-

nurunan bilangan perokok yang berhenti kepada vape, adalah menggalakkan untuk melihat bahawa pendapatan BAT Malaysia bagi sembilan bulan pertama 2024 menekatkannya penurunan lebih perlahar iaitu 0.8 peratus tahun ke tahun dan pendapatan 3Q24 meningkat sebanyak 0.5 peratus tahun ke tahun.

Ini didorong terutama peningkatan jualan vape selepas pelancaran perintis pada Julai 2023 diikuti dengan pelancaran pelbagai format atau variasi baharu pada Oktober 2023, November 2023 dan awal 2024 yang meningkatkan prestasi pendaftaran keseluruhannya.

Dalam perkembangan lain, walaupun jualan rokok harum di Malaysia masih tinggi, ia mencatatkan penurunan marginal sebanyak 0.4 peratus suku ke suku kepada 54.2 peratus dalam 3Q24.

**AKHBAR : KOSMO**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NEGARA**

## Penghantaran ubat percuma ke rumah kurang kesesakan di HSA

**JOHOR BAHRU** — Program penghantaran ubat percuma melalui pos yang dilancarkan tahun ini bukan sahaja memudahkan pesakit malah berjaya mengurangkan kesesakan di Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon berkata, pesakit tidak lagi perlu menunggu antara 2 hingga 4 jam untuk menyelesaikan proses tersebut.

Katanya, di Klinik Pakar HSA sahaja, pihak hospital menerima kira-kira 2,000 pesakit setiap

hari yang datang untuk berjumpa doktor atau mengambil ubat.

"Sehubungan itu, kerajaan negeri memerlukan RM900,000 tahun ini untuk melaksanakan program penghantaran ubat percuma melalui pos.

"Hospital sedang mencari cara untuk memperbaiki situasi kesesakan ini, ia termasuk menggalakkan pesakit yang mengambil ubat secara berkala untuk menggunakan perkhidmatan penghantaran ubat melalui pos," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Terdahulu, Tian Soon mengadakan lawatan ke HSA bagi melihat proses kerja penghantaran ubat kepada pesakit selain meninjau tahap kesesakan di hospital tersebut.

Jelasnya, HSA mempunyai bilangan pesakit paling tinggi dan sejak program tersebut mula diperkenalkan, HSA perlu menghantar kira-kira 4,100 hingga 4,300 pesanan ubat setiap bulan dan angka itu semakin meningkat.

Jelasnya, bagi pesakit yang layak untuk terlibat program

tersebut, Jabatan Farmasi akan mencadangkan mereka untuk mendaftar.

Setelah berjaya mendaftar, katanya, pesakit hanya perlu menunggu di rumah untuk menemui ubat mereka, yang kini dibayar oleh kerajaan negeri.

"Oleh itu, kami menggalakkan orang ramai untuk menggunakan kaedah pengambilan ubat ini.

"Selain mampu mengurangkan kesesakan di HSA, ia juga dapat menjimatkan masa mereka," katanya.

Selain penghantaran pos, ka-

tanya, Jabatan Farmasi turut melaksanakan perkhidmatan mengambil ubat secara pandu lalu dengan lebih 240 pesakit menggunakan perkhidmatan ini setiap hari.

Menurutnya, Jabatan Farmasi juga menyediakan perkhidmatan loker penyimpanan ubat yang diletakkan di pusat beli-belah.

"Pesakit boleh mendaftar dengan Jabatan Farmasi dan kemudian mengambil ubat mereka dari loker yang telah ditetapkan tanpa perlu datang ke hospital atau klinik," katanya.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 30**  
**RUANGAN : NEGERI**

30 NEGERI  
SINAR HARIAN • SABTU 2 NOVEMBER 2024

Sinar Harian  
NEGERI SEMBILAN  
TULIS & RAJU • MATA DAN TILANG BAKTI • PEMACU PERUBAHAN

## Sanggup datang dari jauh

Air pergi terapi ion didakwa melegakan sakit diserbu orang ramai seluruh negara

Oleh SYAMILAH ZULKIFI  
REMBAU

**L**okasi air pergi terapi ion di Ulu Segri di sini yang dilawati banyak pelabur-pelabur terus menjadi tumpuan mewekipun Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan (JKNS) mengesahkan sedang menyiasat perkara itu.

Tujuan Sinar Harian mendapati, orang ramai mengambil peluang mengunjungi lokasi tersebut sempena cuti bersama pada Khamsi.

Kenderaan yang banyak keluar masuk ke situ telah menyebabkan berlaku kesedaran

km-km sejauh 1 kilometer untuk ke kota.

Kawasan berkenan boleh dikatakan seperti lokasi pelapangan dengan kahadiran penumpung dan dalam negeri dan luar.

Terdapat juga penlega yang mengambil peluang menjual minuman dan makanan di bahu jalan.

Turut kehadiran beberapa anggota Jabatan Sifkoanlawan Malaysia (JSL) yang ditugaskan mengawal lalu lintas.


Sorong wajah berusia 52 tahun yang ditemui menunggu giliran untuk mendari pergi terapi ion sejak bertujuan berasa, dia tiba ke lokasi pada jam 6.30 pagi, namun orang sudah ramai beratur.

"Saya dan suami gerak dari Sungai Petani, Kedah pada jam 11 malam. Saya terkejut sebab sempat, orang dah ramai.

"Saya dengar oda yang sanggup tungku di sini saman jam 3 pagi lagi. Memang buat-buat fenomena tempat ini," katanya.



Kedua-dua dengan pengunjung massal ke pergi tempi ion yang didakwa boleh melegakan penyakit di Ulu Segri, Rembau.



Susana di lokasi yang menempakkan pergi terapi ion yang didakwa boleh melegakan pelbagai penyakit.

Menurutnya, dia tertarik untuk mencuba air pergi tersebut sebagai ikhtiar pulih penyakit semasa dirasanya.

Tombohnya, dia mengelihukan kerana lokasi tersebut selepas ia tutup di Titi Tol.

Sepelepas suami isteri dari Sungai Petani, Johor pulah membertuah, mereka datang ke situ untuk membawa ibu mereka yang sering sakit urat.

"Kami tidak pernah percaya 100 peratus. Tapi sebagaimana kebiasaan dengan dia ALLAH jingjing yang menyembuhkannya.

"Saya rasa tak salah untuk kami mancuba di tempat ini. Lagi pun taklah mahal tempat, se kali mendari RM50 saja," katanya.

Namun mereka mengaku yang menjadi acib adalah tempon menganggu giliran kerana pengunjung yang terlalu ramai.

Sementara itu, seorang pekerja mamportush, lokasi berkemahan dibuka pada setiap Khamsi hingga Ahad bermula jam 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

"Tapi kena sabar kerana ramai pengunjung, malah jam 12 tengah malam diai ada yang berdiri kerana tak mahu menganggu giliran lama pada kesokarnya.

Bila datang ini turus buat pendaftaran serta pembayaran di kaunter dan dibenarkan masuk untuk mandi mengikut nombor giliran diberikan," katanya.

Jelasnya sekali mitsuik untuk mandi dibenarkan sepanjang 60 minit dan 50 pemimpur.

Tujuan juga mendapati pengunjung yang datang kebiasaannya berada di pinggungan bukit selama 50 tahun ke atas, berkerusi roda dan berlongket.

Bagi golongan warga umat, mesra alam dan anak-anak dan difabel juga ada yang menyewa rumah impo deca di kawasan berhampiran.

Sebelum ini media melaporkan, JKNS menyatakan pengusaha rawatan yang mendakwa mampu melegakan pelbagai penyakit dengan menggunakan air pergi tempi ion di sebuah tapak perhimpunan di Rembau.

Pengerusi, Datuk Dr Haniffa Abdul Rashid berkata, Pejabat Kesihatan Daerah Rembau sedang melaksanakan pemeriksaan menyeluruh dalam iku itu yang menopat perhatian meluas dalam media sosial.

"Saya tidak boleh bersi sebarang komen kerana nisbetan masih terlalu awal dan ia bukan sehalo meletakkan JKNS, tetapi juga pelbagai agensi," katanya.



Mohd Zamri menunjukkan gambar pergi terapi ion hasil siasatan BKSA di lokasi.

## Pengusaha pergi terapi ion dinasihatkan henti sementara operasi

**R**EMBAU - Pejabat Daerah dan Tanah Rembau menasihatkan pengusaha pergi tempi ion di Ulu Segri di sini yang didakwa boleh melegakan pelbagai penyakit, menghentikan sementara operasinya sehingga siasatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selesai.

Pegawai Daerah Rembau Mohd Zamri Mohd Isa berkata, pihaknya juga telah ke lokasi borsang Badan Kawal Selia Air (BKSA) Negeri Sembilan pada Selasa lalu untuk menjalankan siasatan terperinci.

"Susulan itu, pihak BKSA Negeri Sembilan telah mengeluarkan salinan arahan kepada pengusaha untuk membuat permohonan lesen di bawah

Akta Air 1920 (Akta 418) dihak bersama Enakmen Air (Pindaan Akta Air 1920) 2007 kerana penggunaan mengundurkan diri sungai yang dibatasi tanpa lesen.

"Pengusaha dibenarkan tempoh selama 14 hari untuk membuat permohonan tersebut di BKSA Negeri Sembilan," katanya, kepada pemberita ketika ditemui di pejabatnya di sini pada Jumat.

Dilelu berkata, pihaknya juga akan melakukan pemantauan disepak masa ke masa memastikan lokasi itu kini mengundi tumpuan ramai.

"Siasatan di lokasi mendapati pengunduran sudah mula memenuhi kawasan-kawasan klimatik yang didikti oleh pengusaha yang mana

kawasan bagi operasi pergi tersebut merupakan Tanah Adat dan Syarat Nyata bagi tanah adalah pertanian (dusun)," katanya.

Dalam pada itu, beliau menggalakkan-ajukan mana-mana pihak yang ingin menggunakan sebarang produk atau aktiviti perluncungan di sepanjang iku itu, namun perlu mematuhi syarat ditetapkan pihak berkuasa.

Baru-baru ini, tulur di media sosial yang mendakwa penggunaan air dari pergi tempi ion di Rembau mampu memberi manfaat kesihatan kepada individu yang menghidap pelbagai penyakit termasuk stroke, menuruni teknologi rawatan khas.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 9**  
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

## Wajibkan saringan mental pelajar

**PETALING JAYA:** Kemajuan dicadang melaksanakan saringan mental dalam kalangan pelajar sekolah seawal usia tujuh tahun bagi memastikan kanak-kanak bebas tekanan emosi dan perasaan.

Ini berikutnya peningkatan masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berumur lima hingga 15 tahun mencatatkan 16.5 peratus atau 922,318 kes tahun lalu, berkondisi 7.9 peratus atau 424,000 kes pada 2019.

Selanjutnya Agensi Kesihatan Perkhidmatan Pengurusan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP), Fouzi Singgah berkata, saringan itu boleh memberi manfaat kepada murid, namun pelaksanaannya perlu dilakukan secara teliti agar tidak menambah tekanan kepada mereka.

Katanya, pelaksanaan saringan perlu mengambil kira tahap pemahaman murid supaya dapat memberikan impak positif terhadap perkembangan akademik dan sosial mereka.

"Saringan ini boleh dilaksanakan di sekolah, namun soalan serta aktiviti dalam ujian perlu disesuaikan dengan tahap kefahaman murid mengikut usia."

"Jika seorang yang ditanya terlalu susah atau tidak difahami, interpretasi diperoleh mungkin tidak tepat dan boleh membentuk gambaran yang berbeza daripada realiti kondisi murid," katanya ketika dilibung Utusan Malaysia.

Mengulas lanjut, Fouzi berkata, pelaksanaan saringan mental semasa bertindak sebagai langkah proutif kerja dalam membendung masalah kesihatan mental.

tan mental di peringkat awal.

Katanya, penyelidikan mekanisme yang telus bagi mentafsir data saringan juga penting untuk memberikan gambaran tentang mengenai keadaan kesihatan mental pelajar.

"Kami berpendapat data yang diperoleh perlu diperincikan dan ditapis dengan teliti. Mungkin skor tersebut boleh diberikan dalam beberapa tahap tertentu dan dibentangkan secara umum agar masyarakat sedar talas tekanan emosi kanak-kanak di negara ini."

"Data ini mestilah digunakan secara telus untuk memastikan nya mencerminkan keadaan sebenar tanpa sebarang kepentingan tertentu" katanya.

Sementara itu, Pakar Psikologi Kaunseling, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Professor Madya Dr. Faizah Mohd. Sa'ad berkata, saringan mental diajih sebagai langkah penting untuk mengenal pasti masalah pada peringkat awal, membolehkan intervensi segera yang dapat mencegah masalah lebih serius.

Katanya, hal ini secara tidak langsung dapat membantu sekolah dan keluarga mengenal pasti kanak-kanak yang memerlukan sokongan emosi tambahan sekali gus memastikan mereka yang berisiko mendapat perhatian sewajarnya.

"Saringan yang berkesan untuk kanak-kanak termasuk penggunaan soal seimbang berstruktur seperti Strengths and Difficulties Questionnaire (SDQ) dan Pediatric Symptom Checklist (PSC), serta penilaian klinikal berdasarkan permasalahan," ujarnya.

## Risiko penularan varian baharu Mpox masih rendah

**PETALING JAYA:** Risiko penularan varian baharu cacar monyet atau Mpox seperti yang dikesan di Britain masih rendah, namun rakyat Malaysia disarankan sentiasa berjaga-jaga semestinya pihak berkuasa tentera menuntut perlakuan tetapi menurunkan risiko baharu.

Bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Lee Boon Chye berkata, semua virus termasuk Mpox boleh mengalami mutasi dan varian baharu akan muncul pada bila-bila masa.

Kata beliau, sekiranya varian baharu di Britain itu kadar jangkitan dan patogeninya tidak bestambang teruk, masyarakat tidak perlu memerlukan "butang panik".

"Mpox adalah penyakit

yang berjangkit melalui suntikan langsung dengan pesek yang mempunyai gejala. Oleh sebab itu, tidak mudah untuk Mpox membakar seperti Covid-19."

"Namun, masyarakat disarankan cemasutui garis padam berikutnya Mpox yang diseviden sejak awal 2022 oleh Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya kepada Utusan Malaysia.

Terdahulu, akhirnya melaporkan Agensi Keselamatan dan Kesihatan United Kingdom (UKHSA) mengesahkan kes pertama varian baharu Mpox, clade Ib melibatkan seorang pesakit yang mengunjungi Afrika.

Dalam rujuk itu, Pakar Kesihatan Komuniti Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM), Professor Dr. Sharifa Ezat Wan Putah berkata, wabak Mpox akan memberi kesan kepada individu yang tidak mempunyai sejajar perlakuan ke peringkat berisiko.

Menurutnya, ia ditularkan dalam rangkaian sekual yang diketahui dalam kalangan lesbi gay, biseksual atau yang melakukan hubungan seks dengan lelaki (GBMSM).

"Malaysia sudah menjalankan aktiviti pengawasan dan melihat perkembangan Mpox ini di dalam dan luar negara."

"Saat masu ini tindakan baharu tidak perlu, hanya perlu lakukan pengawasan yang sama sehingga kes-kes baharu dilaporkan," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 36  
RUANGAN : DALAM NEGERI

### Dalam Negeri



LING Tian Soon berbual dengan pesakit semasa melihat proses kerja penghantaran ubat selain meninjau tahap kesesakan Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru.

## Tak perlu tunggu berjam-jam, ubat percuma terus ke rumah

**JOHOR BAHRU:** Program penghantaran ubat percuma melalui pos yang dilancarkan tahun ini berjaya mengurangkan kesesakan di Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini selain memudahkan pesakit.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, Ling Tian Soon berkata, pesakit tidak lagi perlu menunggu antara dua hingga empat jam untuk mewujudkan proses tersebut.

Beliau berkata, di Klinik Pekan HSA sahaja, pengurusan hospital menerima kira-kira 2,000 pesakit setiap hari yang datang untuk berjumpa doktor atau mengambil ubat.

"Selubungnya itu, kerajaan negeri memerlukan RM900,000 pada tahun ini untuk melaksanakan program penghantaran ubat percuma melalui pos.

"Hospital sedang mencari cara untuk memperbaiki situasi kesesakan ini termasuk menggalakkan pesakit yang mengambil ubat secara berkala menggunakan perkhidmatan penghantaran ubat melalui pos," katanya ketika ditemui pemberita.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan ke HSA bagi

melihat proses kerja penghantaran ubat kepada pesakit selain meninjau tahap kesesakan di hospital tersebut.

Beliau berkata, HSA mempunyai bilangan pesakit paling tinggi.

Katanya, sejak program tersebut diperkenalkan, HSA perlu menghantar sekitar 4,100 hingga 4,300 pesanan ubat setiap bulan dan angka itu semakin meningkat.

Jelasnya, bagi pesakit yang layak untuk terlibat program tersebut, Jabatan Farmasi mencadangkan mereka untuk mendaftar.

"Senada berjaya mendaf-  
tar, pesakit hanya perlu men-  
unggu di rumah untuk men-  
erima ubat mereka, yang kini dibayai oleh kerajaan negeri."

"Oleh itu, kami menggalak-  
kan orang ramai untuk meng-  
gunakan kaedah pengambilan  
ubat ini. Selain mengurangkan  
kesesakan, ia juga dapat men-  
jimatkan masa mereka," ka-  
tunya.

Selain penghantaran pos,  
katanya, Jabatan Farmasi tu-  
rut melaksanakan perkhidma-  
tan ambil ubat secara pandu  
lalu dengan lebih 240 pesakit  
menggunakan perkhidmatan  
ini setiap hari.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : NEWS / NATION

• SATURDAY, NOVEMBER 3, 2024 • New Straits Times

Nation / NEWS | 11

COCKROACH DROPPINGS

# PENANG BEACH EATERY ORDERED SHUT

Unhygienic state sparks action with 4 premises ordered to shut, 14 fined

ZUHAINI ZULKIFFLI  
GEORGE TOWN  
[www.nst.com.my](http://www.nst.com.my)

**A** POPULAR restaurant in Batu Ferringhi here has been ordered to shut for 14 days and fined RM1,000 after health officials found the premises to be dirty.

A check on the restaurant yesterday saw cockroach droppings on places where food was prepared, poorly stored ingredients, dirty refrigerators and disorganized storage racks.

The restaurant workers also did not receive typhoid vaccinations or undergo food handling training.

The restaurant, popular for its beachfront views and performances, was among 14 eateries inspected yesterday.

Northwest Health Department inspection and legal unit head Wan Mohammad Akhbar Wan Ali said four eateries were ordered shut for various violations.

"A total of RM13,600 in fines were issued to all the premises inspected," he said.



(Clockwise from left) A Penang health officer taking pictures of ingredients stored in a dirty refrigerator; a health officer checking the cooking utensils; and, officers posting a notice of closure on the counter of the restaurant in Batu Ferringhi yesterday. NST/PBS/BEGAHAN ZULIFFI

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NATION

## 'Ion therapy' operations suspended in Rembau pending probe

**REMBAU:** Operators of a well in Ulu Sepri here, which reportedly provides ion therapy for varicose ailments, have been advised to temporarily halt operations until the Health Ministry completes its investigation.

Rembau district officer Mohd Zamri Mohd Isa said the area's Land and District Office, along with the Negeri Sembilan Water

Regulatory Body (BSKA) had conducted an inspection on Tuesday.

"Following our visit, BSKA issued a directive requiring the operators to apply for a licence under the Water Act 1970 (amended Water Act 2007), as they were abstraction river water without a licence."

"They now have 14 days to submit their application to the Negeri

Sembilan BSKA, and we will continue our monitoring efforts," he told reporters here yesterday.

He added that the operators were advised to suspend their operations during the probe.

Mohd Zamri said the site was gaining popularity and the operators had even set up tents.

Investigations have so far revealed that the location is on

customary land, designated for agricultural use.

Recently, social media posts went viral, suggesting that water from the well in Rembau offers health benefits for various conditions, including stroke, through a specialised treatment technology.

In response, the Health Ministry said it was taking the issue seriously.

Mohd Zamri said while he welcomed efforts to develop tourism products or activities in the district, they must adhere to regulations set by the authorities.

Meanwhile, Bernama, during a visit to the area, which has reportedly been drawing crowds for the past three months, observed that visitors were still flocking to the location as of 4pm yesterday.